

KONSEP *AL-'ARDAH AL-AKHIRAH* DAN KELANGSUNGAN *QIRA'AT QUR'ANIYYAH*

Sabri Mohamad
Mohd Faizulamri Mohd Saad
Yusri Chek

Corresponding Author: email: yusrichek08@yahoo.com

Abstrak

Berlakunya 'al-'Ardah al-Akhirah' atau pembentangan al-Quran al-Karim terakhir oleh Baginda Rasulullah SAW di hadapan gurunya Jibril AS telah dibuktikan oleh banyak hadith yang sahih. Peristiwa pembentangan al-Quran terakhir sangat penting dibicarakan kerana ia adalah penentu kepada pengekalan dan kelangsungan teks al-Quran yang terakhir untuk dibaca sebagai ibadat dan penasakkan teks yang tidak dibaca lagi. Objektif utama artikel ini membicarakan kelangsungan hubungan pembentangan al-Quran terakhir dengan Qiraat Quraniyyah dari beberapa sudut, seperti kewujudan qiraat sebelum dan selepas al-'Ardah al-Akhirah, pengekalan teks al-Quran yang dibaca dan pemisahan dengan qiraat yang ditolak. Hubungan kehadiran sahabat RA dalam pembentangan terakhir, qiraat dalam masahif 'uthmaniyyah dan qiraat di zaman pengumpulan al-Quran oleh sahabat RA turut dikupas. Pendekatan penulisan artikel adalah menggunakan kajian kepustakaan dengan menganalisa bahan-bahan, dokumen-dokumen dan rujukan-rujukan yang berkaitan dengan penulisan yang dilakukan. Dapatan penulisan

menunjukkan al-'Ardah al-Akhirah sangat berkait dengan kelangsungan ilmu qiraat antaranya dari sudut penasakhan qiraat yang tidak lagi diamalkan dan isu-isu yang berkaitan.

Kata Kunci: *al-Quran, Qira'at Quraniyyah, al-'Ardah al-Akhirah, Ahruf Sab'ah dan Masahif.*

Pendahuluan

Pembentangan al-Quran al-Karim terakhir oleh Nabi SAW berhadapan dengan Jibril AS ada suatu peristiwa yang amat penting dalam sejarah penurunan al-Quran. Pembentangan tersebut turut menjadi salah satu topik penting dalam bicara Ulum al-Quran ketika mana para ilmuan Islam mencatatnya dalam penulisan-penulisan mereka atau pun ketika mendiskusikannya. Peristiwa *al-'Ardah al-Akhirah* sangat berkait dengan kelangsungan *Qiraat Quraniyyah* kerana melaluinya dapat dikenali pasti status sesuatu qiraat dan perkaitannya dengan *Masahif 'Uthmaniyyah*. Justeru itu artikel ini akan mengupas kelangsungan *Qiraat Quraniyyah* melalui pembentangan al-Quran terakhir dan topik-topik penting yang terkait dengannya.

Maksud Al-'Ardah Al-Akhirah

Di sisi al-Qurra', perkataan: (العرض) bermaksud: (هو تلاوة القرآن على شيخ،) (وهو أحد أنواع التحمل والأخذ على المشايخ): “*Iaitu bacaan al-Quran di hadapan shaykh/guru dan ia salah satu cara penanggungan dan pengambilan*

daripada guru-guru”¹. Contohnya kata-kata Mujahid: (عرضت القرآن على) (ابن عباس ثلاث عرضات *Aku telah membentangkan al-Quran di hadapan Ibn ‘Abbas sebanyak tiga kali pembentangan*)².

Manakala maksud perkataan: (المعارضة), ialah: Tadarrus al-Quran antara Jibril AS dengan Baginda SAW setiap kali menjelang bulan Ramadan.³ Di sisi Ibn Hajar, proses *mu’aradah* berlaku di antara kedua-dua pihak (pembaca dan guru) dengan cara yang pertama membaca manakala yang kedua mendengar dengan penuh teliti dan begitulah sebaliknya.⁴

Maksud perkataan *al-‘Ardah al-Akhirah* dalam perbincangan ini ialah pembentangan al-Quran oleh Nabi SAW kepada Jibril AS sebelum kewafatan Baginda⁵. Penggunaan istilah tersebut adalah kerana itulah proses pembentangan terakhir al-Quran oleh Baginda SAW yang berlaku sebanyak dua kali pada tahun yang sama.⁶

¹Al-Jirmi, Ibrahim Muhammad (1422H), *Mu’jam ‘Ulum al-Quran*, Dar al-Qalam: Damshiq, h. 37.

²Al-Hakim, Muhammad bin ‘Abdullah (1311H), *al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Bayrut, h. 200.

³Abu Shamah, Shihab al-Din ‘Abd al-Rahman bin Isma’il (1406M), *al-Mursyid al-Wajiz*, Dar Waqf al-Diyanah al-Turki: Ankara, h. 40.

⁴Al-‘Asqalani, al-Hafiz Ahmad bin ‘Ali bin Hajar (1379H), *Fath al-Bari*, Dar al-Ma’rifah: Bayrut, j.1, h. 45.

⁵Al-Dawsari, Ibrahim bin Sa’id (1429H), *Mu’jam Mustalahat ‘Ilmay al-Tajwid wa al-Qiraat*, Dar al-Hadarah li al-Nashr: al-Riyad, h. 50.

⁶‘Abd al-Ali al-Mas’ul (1423H), *Mu’jam Mustalahat al-Qiraat*, Dar al-Salam: Misr, h. 35.

Menurut Ibn Kathir, maksud pembentangan al-Quran oleh Nabi SAW setiap tahun ialah proses Talaqqi wahyu Allah SWT oleh Baginda SAW yang mengekalkan apa yang dikekalkan bacaannya dan akan hilang apa yang dinasakhkan bacaannya... Maka dengan sebab itulah berlakunya pembentangan al-Quran terakhir sebanyak dua kali untuk menunjukkan kepada dekatnya ‘pemergian’ Rasulullah SAW.⁷

Al-‘Ardah al-Akhirah dan Hubungannya Dengan Qiraat Quraniyyah

Antara bukti-bukti berlakunya *al-‘Ardah al-Akhirah* lihat kepada tiga riwayat berikut:

1. عن أبي هريرة رضي الله عنه: كان يعرض على النبي صلى الله عليه وسلم القرآن كل عام مرة، فعرض عليه مرتين في العام الذي قبض فيه

Maksudnya:

Daripada Abu Hurayrah RA: Adalah dibentangkan al-Quran kepada Nabi SAW setiap tahun sekali, dibentang sebanyak dua kali pada tahun diwafatkan Baginda SAW ...⁸

⁷Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma’il (1993M), *Tafsir al-Quran al-‘Azim*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah; Bayrut, j. 2, h. 93.

⁸Al-Bukhari, Kitab Fada’il al-Quran, bab Kana Jibril Ya’rid al-Qur’an ‘ala al-Nabiyy salla Allah ‘alayh wasallam.

Menurut Ibn Sirin, ulama berpendapat bahawa qiraat (mutawatirah) yang umat Islam baca sekarang ialah qiraat yang terdapat pada pembentangan al-Quran yang terakhir sekali⁹.

2. عن ابن عباس رضى الله عنه قال: أي القراءتين أخيراً: قراءة عبد الله أو قراءة زيد، قال قلنا: قراءة زيد، قال: لا، إن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان يعرض القرآن على جبريل كل عام مرة، فلما كان في العام الذي قبض فيه عرضه عليه مرتين، وكانت آخر القراءة قراءة عبد الله.

Maksudnya:

Daripada Ibn 'Abbas RA berkata: Qiraat yang mana terakhir sekali, qiraat 'Abdullah atau qiraat Zayd? Beliau berkata: Kami berkata: Tidak, sesungguhnya Rasulullah SAW telah membentangkan al-Quran kepada Jibril AS setiap tahun sekali. Maka pada tahun diwafatkan Baginda SAW telah dibentangkan al-Quran kepadanya sebanyak dua kali. Dan adalah qiraat terakhir ialah qiraat 'Abdullah.¹⁰

3. عن ابن عباس رضى الله عنه قال: أي القراءتين تعدون أول، قالوا: قراءة عبد الله، قال: لا بل هي الآخرة، كان يعرض القرآن على رسول الله صلى الله عليه وسلم في كل عام مرة، فلما كان العام

⁹Abu Shamah, Shihab al-Din 'Abd al-Rahman bin Isma'il (1406M), op.cit. h. 43.

¹⁰ Al-Bukhari, Kitab Fada'il al-Quran, bab Kana Jibril Ya'rid al-Qur'an 'ala al-Nabiyy salla Allah 'alayh wasallam.

الذي قبض فيه عرضه عليه مرتين، فشهد عبد الله فعلم ما نسخ منه
وما بدل.

Maksudnya:

Daripada Ibn 'Abbas RA berkata: Qiraat manakah yang kamu kira terawal sekali? Mereka berkata: Qiraat 'Abdullah. Beliau berkata: Kami berkata: Tidak, bahkan yang terakhir. Rasulullah SAW telah membentangkan al-Quran kepada Jibril AS sekali setiap tahun. Maka pada tahun diwafatkan Baginda SAW telah dibentangkan al-Quran kepadanya sebanyak dua kali. Maka 'Abdullah telah menyaksikan serta mengetahui apa yang dinasakkan dan ditukar.¹¹

Hadith-hadith di atas amat jelas sekali menunjukkan kepada berlakunya *al-'Ardah al-Akhirah* sebagai proses terakhir pembentangan al-Quran.

Apabila diteliti dengan mendalam terhadap hubungan *al-'Ardah al-Akhirah* dengan *Qiraat al-Quran* perkara-perkara berikut akan terserlah:

1. Berlakunya penasakkan ayat-ayat al-Quran yang sewaktu ketika dahulu pernah diturunkan dan pernah diizinkan pembacaannya.

¹¹Al-Bukhari, Kitab Fada'il al-Quran, bab Kana Jibril Ya'rid al-Qur'an 'ala al-Nabiyy salla Allah 'alayh wasallam.

Ulama mengatakan penasakhan bagi sesetengah bacaan al-Quran telah berlaku pada *al-'Ardah al-Akhirah*. Antara buktinya ialah melalui kata-kata Ibn 'Abbas RA: “*Dibentangkan al-Quran kepada Baginda SAW sekali pada setiap tahun. Maka pada tahun diwafatkan Baginda SAW dibentangkan kepada Baginda SAW al-Quran sebanyak dua kali. 'Abdullah RA (Ibn Mas'ud) telah menyaksikan perkara tersebut dan beliau mengetahui apa yang dinasakhan dan yang ditukarkan*”¹².

Sahabat RA juga ada menyebut ayat-ayat al-Quran yang diturunkan yang kemudiannya dinasakhan bacaannya, namun hukumnya masih kekal atau tidak kekal, seperti hadith 'Umar RA: (الشيخ والشيخة إذا زنيا فارجموهما البتة) bermaksud (*Jika penzina lelaki dan perempuan (yang muhsan kedua-duanya) telah berzina maka rejamlah mereka berdua (dengan batu) sehingga mati*) dan hadith Anas RA mengenai syahidnya *qurra'* dalam peperangan Bi'r Ma'unah yang berkata: “*Maka Allah turunkan kepada mereka: (بلغوا) عنا قومنا لقد لقينا ربنا daripada kami yang telah 'berjumpa' Tuhan kami(meninggal)*”. Juga hadith Ubay bin Ka'b yang menyebut kadar surah al-Ahzab pada awalnya adalah seperti surah al-Baqarah (Ibn Hajar 1379H). Berkata Ibn Kathir: “*Pembentangan al-Quran oleh Rasulullah SAW*

¹²Ahmad bin Hanbal (1420H), *Musnid al-Imam Ahmad bin Hanbal*, Muassasah al-Risalah: Bayrut, h. 170.

dengan Jibril AS adalah pada setiap tahun... akan kekal apa yang kekal dan akan hilang apa yang telah dinasakahkan...¹³

Ibn Hajar pula berkata: “*Jibril AS membentangkan al-Quran kepada Nabi SAW pada bulan Ramadan. Apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka Allah menghukumkan apa sahaja yang dikehendaki dan mengekalkan apa yang Dia hendakkan ia kekal...*”¹⁴. Ibn al-Jazari juga mengatakan al-Quran telah dinasakahkan dan diubah pada *al-‘Ardah al-Akhirah* dan banyak nas sahih daripada sahabat RA yang menunjukkan kepada perkara tersebut ...¹⁵

2. *al-‘Ardah al-Akhirah* telah menthabitkan al-Quran yang dibaca sebagai ibadat dan dianggap sebagai suatu bentuk pengukuhan kepada hafalan serta penetapan qiraat yang dibaca.

Berkata Ibn Mas’ud RA: “*Pada tahun Baginda SAW wafat dibentangkan al-Quran kepada Baginda SAW sebanyak dua kali. Apabila selesai aku membacanya dihadapan Nabi SAW dan ia mengijazahkan kebolehanku...*”¹⁶. Berkata pula al-Baghawi: “*Allah Taala telah menghimpunkan umat melalui kesempurnaan pilihan*

¹³ Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma’il (1993M), op.cit, j. 2, h. 94.

¹⁴ Al-‘Asqalani, al-Hafiz Ahmad bin ‘Ali bin Hajar (1379H), op.cit, j. 1, h. 46.

¹⁵ Ibn al-Jazari, Abu al-Khayr Muhammad (t.th.), *al-Nashr fi al-Qiraat al-Ashr*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Bayrut, j. 1, h. 36.

¹⁶ Makki bin Abu Talib al-Qaysi (1405H) *al-Ibanah ‘an Ma’ani al-Qiraat*, Al-Maktabah al-Faisaliyyah: Makkah al-Mukarramah, h. 46.

sahabat RA dengan satu mushaf, iaitu pembentangan terakhir daripada Rasulullah SAW”¹⁷(al-Baghawi, 1983).

Abu ‘Abd al-Rahman al-Sulami berkata: “*Qiraat Abu Bakr, ‘Umar, ‘Uthman, Zayd bin Thabit, kaum Muhajirin dan Ansar adalah sama dengan membaca qiraat ‘ammah, iaitu qiraat yang telah dibaca oleh Rasulullah SAW sebanyak dua kali di hadapan Jibril AS semasa tahun kewafatan Baginda SAW*”. (al-Zarkasyi, 1997). Saydatina ‘Aishah RA pernah berkata: “*Antara yang pernah diturunkan daripada al-Quran ialah (عشر رضعات معلومات يحرمن), kemudian dinasakkan dengan (خمس معلومات). Apabila wafatnya Baginda SAW, ayat-ayat tersebut masih lagi dibaca*”¹⁸ Imam al-Sayuti ketika menghuraikan riwayat tersebut mengatakan sesetengah orang masih membaca dengan qiraat tersebut disebabkan maklumat penasakhannya pada *al-‘Ardah al-Akhirah* masih belum sampai kepada mereka disebabkan ia sesuatu yang baru. Namun, apabila telah sampai kepada mereka berita penasakhannya, mereka terus bersepakat untuk tidak membacanya lagi”¹⁹.

¹⁷Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas’ud al-Shafi’ii (1983) *Sharh al-Sunnah*, Al-Maktab al-Islami: Bayrut, h. 115.

¹⁸Muslim, *Kitab al-Rida’*, bab: al-Tahrim bi Khams Rad’at.

¹⁹ Al-Sayuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman(1993M), *al-Durr al-Manthur fi Tafsir al-Ma’thur*, Dar al-Fikr: al-Bayrut, h.115

3. *al-'Ardah al-Akhirah* dianggap sebagai peringkat pemisahan awal antara *Qiraat Shadhdhah* atau qiraat yang ditolak dengan *Qiraat Sahihah* yang diterima pembacaannya dan amalannya.

Ayat-ayat al-Quran yang telah dimansuhkan pada *al-'Ardah al-Akhirah* dilabelkan dengan label *shadhdhah*. Diketegorkan dalam label yang sama ialah nukilan wajah-wajah bacaan daripada mushaf sahabat RA seperti Mushaf Ubay dan Ibn Mas'ud RA yang sebelumnya adalah *qiraat* yang diizinkan pembacaannya, namun selepas proses *al-'Ardah al-Akhirah* selesai ia akhirnya dinasahkan.

Menurut Imam Ibn al-Jazari²⁰, umat Islam semuanya telah bersepakat menerima segala isi wajah bacaan ayat-ayat al-Quran yang terkandung dalam *Masahif 'Uthmaniyyah*. Mereka meninggalkan semua wajah bacaan yang bersalahan dengan *masahif* tersebut yang sebelumnya diizinkan amalan pembacaannya. Semua *masahif 'uthmaniyyah* juga telah ditulis bertepatan dengan lafaz-lafaz yang terdapat dalam *'Ardah al-Akhirah*. Tambah beliau lagi, qiraat sahabat RA 'Abdullah bin Mas'ud dan Ubay bin Ka'b RA dengan: (والذکر والأنتی), qiraat Ibn 'Abbas RA dengan: (وكان أمامهم ملك يأخذ كل سفينة صالحة غصبا، وأما الغلام) (فكان كافرًا) dan bermacam lagi wajah bacaan yang telah diriwayatkan

²⁰Ibn al-Jazari, Abu al-Khayr Muhammad (t.th.), op.cit, j. 1, h. 37.

dengan riwayat-riwayat yang *thiqah*. Sekalipun semua wajah qiraat tersebut telah *thabit* naqalnya, namun ulama tidak membenarkan amalan pembacaannya kerana telah berlakunya penasakhkan semua wajah bacaan tersebut pada *al-‘Ardah al-Akhirah*.²¹

Menurut Abu Shamah (1406H) pula selepas beliau menyebut qiraat yang disandarkan kepada Ibn Mas’ud RA: (وما أصابك من سيئة إنا كتبناها) (عليك), Saydina ‘Uthman RA telah menyatukan umat Islam melalui penerapan *rasm* yang sama, menggugurkan semua ayat-ayat yang dinasakhkan pada *al-‘Ardah al-Akhirah* dan hanya menulis wajah qiraat yang tidak dinasakhkan sahaja dalam masahifnya.

Kesimpulannya, hadith-hadith di atas jelas menunjukkan *al-‘Ardah al-Akhirah* amat berkait dengan kelangsungan *qiraat quraniyyah* dalam beberapa perkara yang telah dinyatakan. Antaranya, pentalaqqian qiraat mesti berpandukan kepada metode yang diamalkan oleh Baginda SAW dengan membentangkan bacaan Baginda SAW kepada gurunya Jibril AS yang sudah tentu sangat berkemahiran tentang pembacaan al-Quran. Talaqqi *qiraat quraniyyah* juga perlu berlaku setiap tahun sekali, bahkan mungkin lebih kerap dengan mengikut keperluan setiap individu. Di samping itu juga semua proses yang berkait dengan pembentangan al-Quran dan kelangsungan qiraat memberi motivasi kepada semua ahli al-Quran tentang ketelitian dan kesungguhan

²¹Ibn al-Jazari, Abu al-Khayr Muhammad (t.th), op.cit. j. 1, h. 38.

Baginda SAW bertalaqqi daripada gurunya Jibril AS. Pembentangan al-Quran terakhir sememangnya menjadi jarak pemisah antara qiraat yang pernah dibaca sewaktu ketika dahulu namun akhirnya dinasakhkan dengan qiraat yang kekal dibaca.

Keberadaan Sahabat RA dalam ‘*Ardah Al-Akhirah* dan Perkaitannya dengan Qiraat

Terdapat hadith-hadith yang menunjukkan kepada keberadaan dan penyaksian Ibn Mas’ud dan Zayd bin Thabit RA terhadap *al-‘ardah al-akhirah*. Namun persoalannya, adakah kehadiran atau keberadaan mereka RA dalam pembentangan terakhir al-Quran secara fizikal lalu mereka mendengar bacaan yang dibacakan kepada Nabi SAW dan yang dibaca oleh Baginda SAW? Atau dengan makna mereka telah mentalaqqikan bacaan al-Quran yang ada pada pembentangan terakhir daripada Nabi SAW seurus selepas pembentangan Baginda SAW dan itulah bacaan yang terakhir?

Bagi merungkai persoalan tersebut, Dr Nasir Sa’ud al-Qatthami berpendapat pendapat yang kedua kelihatan lebih dekat dengan pemahaman hadith. Antara hujahnya²² ialah melalui kata-kata Ibn Mas’ud RA:

²²Dr. Nasir bin Sa’ud bin Hammud al-Qatthami (1434H), *al-‘Ardah al-Akhirah*, Majallah al-Imam al-Shyatibiyy: Jeddah, h. 13-69.

... كان عام قبض عرض عليه القرآن مرتين ، فكان إذا فرغ أقرأ
عليه فيجيزني أني محسن

Maksudnya:

“... adalah pada tahun diwafatkan Nabi SAW, dibentangkan al-Quran kepadanya SAW sebanyak dua kali, maka apabila aku selesai membaca kepadanya lalu dia mengijazahkan aku seseungguhnya aku telah membaca dengan baik”.²³

Berkata Ibn Mas’ud RA lagi:

وأنه عارضه بالقرآن في آخر سنة مرتين ، فأخذته من النبي صلى
الله عليه وسلم ذلك العام.

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya Jibril telah membentangkan kepada Nabi SAW al-Quran pada akhir tahun kewafatan sebanyak dua kali, maka aku telah mengambil (membaca) daripadanya pada tahun tersebut”.²⁴

Antara riwayat yang mengisyaratkan kepada kehadiran Ibn Mas’ud dan Zayd RA dalam pembentangan al-Quran terakhir ialah:

²³Al-Bukhari, Kitab Fada’il al-Quran, bab Kana Jibril Ya’rid al-Qur’an ‘ala al-Nabiyy salla Allah ‘alayh wasallam

²⁴Al-Bukhari, Kitab Fada’il al-Quran, bab Kana Jibril Ya’rid al-Qur’an ‘ala al-Nabiyy salla Allah ‘alayh wasallam

1. عن ابن عباس رضي الله عنه قال: أي القراءتين كانت أخيراً: قراءة عبد الله ، أو قراءة زيد ، قال: قلنا: قراءة زيد ، قال: لا إن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان يعرض القرآن على جبريل كل عام مرة ، فلما كان في العام الذي قبض فيه عرضه عليه مرتين، وكانت آخر القراءة قراءة عبد الله.

Maksudnya:

Daripada Ibn ‘Abbas RA berkata: “*Bacaan manakah yang terakhir sekali, bacaan ‘Abdullah atau Zayd’?*” Kata beliau: “*Kami berkata, bacaan Zayd! Berkata Ibn Ibn ‘Abbas: “Bukan! Sesungguhnya Rasulullah SAW telah membentangkan al-Quran kepada Jibril AS setiap tahun sekali, maka pada tahun diwafatkan Baginda SAW telah dibentangkan al-Quran kepada Baginda SAW sebanyak dua kali, dan akhir bacaan ialah dengan bacaan ‘Abdullah’*”²⁵.

2. عن ابن مسعود رضي الله عنه قال: لو أعلم أحدا هو أعلم بكتاب الله مني ، تبلغه الإبل ، لركبت إليه.

Maksudnya:

Daripada Ibn Mas’ud RA berkata: “*Jika sekiranya aku tahu ada orang lain yang lebih alim daripadaku tentang kitab Allah, untuk sampai kepadanya dengan menaiki unta, akan aku tuju kepadanya*”²⁶.

²⁵Al-Hakim, Muhammad bin ‘Abdullah (1311H), op.cit. h. 201.

²⁶Al-Sayuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman (1993M), *al-Durr al-Manthur fi Tafsir al-Ma’thur*, Dar al-Fikr: al-Bayrut, j. 2. H. 230.

3. وعن سمرة رضى الله عنه قال: عرض القرآن على رسول الله
عرضات، فيقولون: إن قراءتنا هذه العرضة الأخيرة.

Maksudnya:

Daripada Samurah RA berkata: “Telah dibentangkan al-Quran kepada Baginda S.A.W beberapa kali, mereka berkata: Sesungguhnya qiraat kami ialah mengikut al-‘ardah al-akhirah”²⁷.

Qiraat dalam hadith Samurah RA di atas ialah qiraat Zayd bin Thabit RA yang telah dihimpunkan oleh umat Islam dan disatukan pembacaannya oleh Saydina ‘Uthman adalah qiraat yang menepati dengan *al-‘ardah al-akhirah*.

Menurut Ibn Taymiyah, *‘ardah al-akhirah* merujuk kepada qiraat Zayd bin Tabit dan selainnya, iaitu qiraat yang diarahkan oleh Saydina Abu Bakr, ‘Umar, ‘Uthman dan ‘Ali RA untuk ditulis dalam penulisan mushaf²⁸. Pendapat ini disokong kuat oleh ‘Abd al-Rahman al-Sulami yang mengatakan Saydina Abu Bakr dan ‘Umar RA telah menjadikan qiraat Zayd RA sebagai panduan kepada pengumpulan al-

²⁷Al-Hakim, Muhammad bin ‘Abdullah (1311H), op.cit. h. 201.

²⁸Ibn Taymiyah, Taqi al-Din Abu al-‘Abbas Ahmad bin ‘Abd al-Halim al-Harrani al-Hanbali (1408H), *al-Fatawa al-Kubra*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Bayrut, j. 2, h. 217.

Quran dan Saydina ‘Uthman telah melantik beliau sebagai penulis al-Quran.²⁹

Mengulas pendapat-pendapat di atas, Ibn Hajar mengatakan kedua-dua pembentangan terakhir al-Quran tersebut berlaku dengan kedua-dua huruf Ibn Mas’ud dan Zayd RA ...³⁰

Umum mengetahui kehebatan ilmu al-Quran yang dimiliki oleh Ibn Mas’ud dan kedudukannya di sisi Rasulullah SAW dan para sahabat RA. Namun, kenapa Zayd bin Thabit RA didahulukan berbanding Ibn Mas’ud RA untuk menjalankan tugas-tugas pengumpulan al-Quran di era pemerintahan Khalifah Abu Bakr dan ‘Uthman RA?

Menurut kebanyakan ulama didahulukan Zayd RA untuk menjalani tugas besar tersebut kerana faktor beliau seorang pemuda yang cerdas mindanya, memiliki pengalaman yang sangat luas sebagai penulis wahyu Nabi SAW dan beliau terselamat daripada apa bentuk fitnah. Begitu jugalah pendapat al-Dhahabi yang mengatakan dipilih Zayd RA sebagai penulisnya kerana beliau adalah penulis wahyu Rasulullah SAW dan dianggap imam dalam penulisan. Manakala Ibn Mas’ud RA pula imam dalam praktikal bacaan.³¹ Berkata al-Sakhawi

²⁹Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas’ud al-Shafi’iy (1983M), op.cit. h. 119.

³⁰Al-‘Asqalani, al-Hafiz Ahmad bin ‘Ali bin Hajar (1379H), op.cit, j. 1, h. 47

³¹Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad (1419H), *Siyar A’lam al-Nubala’*, Muassasah al-Risalah: Bayrut, j. 5, h. 205.

pula: “Zayd telah dipilih oleh Abu Bakr dan ‘Umar RA dan diikuti pula oleh ‘Uthman”.³² Ada juga yang mengatakan rasional pemilihan Zayd kerana pengumpulan al-Quran oleh Saydina ‘Uthman berlaku di Madinah sedangkan di kala itu Ibn Mas’ud berada di Kufah.³³ Disebut dalam tafsir al-Qurtubi, Zayd RA telah mentalaqqi al-Quran sebanyak dua kali pada tahun kewafatan Baginda S.A.W.³⁴

Timbul suatu persoalan, kenapa terdapat periwayatan *Qiraat Shadhdhah* daripada Ibn Mas’ud walaupun beliau sendiri telah menghadiri *al-‘Ardah al-‘Akhirah*? Dan kenapakah bacaan beliau berbeza dengan Zayd RA walaupun mereka berdua menghadiri *al-‘Ardah al-‘Akhirah*?

Menurut ulama, perkara tersebut berlaku disebabkan sebelum *al-‘Ardah al-‘Akhirah* sahabat RA ada menulis mushaf peribadi masing-masing yang dimuatkan didalamnya semua *Ahruf Sab’ah* dan juga penambahan-penambahan kepada pentafsiran al-Quran.³⁵ Seterusnya perkara tersebut berlaku, kerana adanya penasakhan sesetengah wajah bacaan qiraat yang tidak thabit kemutawatirannya yang sebelumnya

³²Alam al-Din al-Sakhawi (1408H), *Jamal al-Qurra’ wa Kamal al-Iqra’*, Matba’ah al-Madani: al-Qaherah, j. 1, h. 56.

³³Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad (1419H), op.cit. 5, h. 205.

³⁴Al-Qurtubi, Abu ‘Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansariy (1414H), *al-Jami’ li Ahkam al-Quran*, Dar al-Hadith: al-Qaherah. j. 1, h. 200.

³⁵Al-Zurqani, Muhammad ‘Abd al-‘Azim (1995), *Manahil al-‘Irfan*, Matba’ah al-Babiyy al-Halabiyy: al-Qaherah, j. 1, h. 56.

ditulis dalam mushaf sahabat RA dan dibenarkan pembacaannya sebelum *al-'Ardah al-Akhirah*.

Hal tersebut juga terkait dengan pewartaan penggunaan Mushaf 'Uthmani secara ijmak yang menolak mana-mana qiraat yang bersalahan dengan tatacara penulisannya. Maka apa sahaja qiraat yang tercatat dalam mushaf Sahabat RA bersalahan dengan Mushaf 'Uthmani dikira *shadh* dan tidak dibaca sekalipun sah riwayatnya³⁶. Manakala sebab terakhir kerana terdapat sesetengah periwayat qiraat yang masih meriwayatkan sesetengah *al-'Ardah* yang disandarkan kepada Sahabat RA walaupun ijmak penggunaan Mushaf 'Uthmani telah diwartakan. Antara periwayat tersebut ialah mereka yang meriwayatkan daripada Ibn Mas'ud RA yang tidak mengetahui penasakhannya atau berlaku kekeliruan tentang kemutawatirannya...³⁷ Antara contoh qiraat Ibn Mas'ud ialah dengan³⁸: (وَأَلَيْلٌ إِذَا يَغْشَى ١ وَالنَّهَارُ إِذَا تَجَلَّى ٢ وَالذِّكْرُ وَالْأُنثَى ٣) (*al-Layl*: 1-3), sedangkan *qiraat mutawatirah* dibaca dengan (وما خلق الذكر) (*Abu Shamah* 1406H). Menurut Ibn al-Jazari (2000M), ramai sahabat RA yang membaca al-Quran dengan qiraat yang tidak selari dengan *rasm 'uthmani* sebelum berlakunya ijmak.³⁹

³⁶Makki bin Abu Talib al-Qaysi (1405H), op.cit. h. 52.

³⁷Ibid. h. 52.

³⁸ Yang juga dibaca oleh Abu al-Darda'.

³⁹ Ibn al-Jazari, Abu al-Khayr Muhammad(1419H), *Munjid al-Muqri'in*, Dar Wahbah: al-Qaherah, h. 19.

Menurut al-Nawawi, qiraat yang diriwayatkan daripada Ibn Mas'ud yang tidak *thabit* di sisi *ahl al-naql*, dianggap sebagai 'penerangan' kepada sesetengah hukum dan untuk pentafsiran dan beliau sendiri menyakini ianya bukan al-Quran.⁴⁰

Qiraat Mutawatirah yang dinukilkan dari Ibn Mas'ud dan Zayd RA yang telah sampai kepada kita dengan sanad yang sahih serta telah ditalaqqikan dengan sanad yang *muttasil* sememangnya tidak dikhilafkan, kecuali beberapa wajah bacaan yang terdapat pada '*ardah al-akhirah*'. Sanad Qiraat 'Asim, Hamzah, al-Kisa'ii, Khalaf al-Bazzar dan semua qurra' sepuluh kembali kepada Ibn Mas'ud dan Zayd bin Thabit. Berkata al-Qurtubi: "Berkata Abu Bakr al-Anbari: "*Imam Hamzah dan 'Asim kedua-duanya meriwayatkan qiraat daripada Ibn Mas'ud sebagaimana yang telah dipegang oleh orang Islam*".⁴¹

Al-'Ardah Al-Akhirah Dan Al-Ahruf Al-Sab'ah

Penurunan al-Quran dengan *Ahruf Sab'ah* yang disebut dalam banyak hadith sahih adalah suatu nikmat bagi seluruh umat Islam yang bertutur dengan pelbagai bahasa agar mampu membaca Kalam Allah SWT dengan pelbagai gaya bacaan. Melalui *Ahruf Sab'ah* juga ia mampu memastikan kelangsungan *Qiraat Quraniyyah* hingga ke hari yang telah

⁴⁰ Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya bin Sharaf (1392H), *Sharh al-Nawawi*, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi: Bayrut, j. 1, h. 76.

⁴¹ Al-Qurtubi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansariy (1414H), op.cit, j. 1, h. 200.

ditentukan Allah Taala. Semua gaya bacaan melalui *Ahruf Sab'ah* tersebut telah ditalaqqikan oleh Rasulullah SAW dengan sempurna dengan gurunya Jibril AS. Hadith daripada 'Umar al-Khattab RA dan kisahnya dengan Hisham bin Hakim RA, Rasulullah SAW bersabda⁴²:

إن هذا القرآن أنزل على سبعة أحرف. فاقرأوا ما تيسر منه

Maksudnya:

“*Sesungguhnya al-Quran ini diturunkan dengan tujuh huruf maka bacalah olehmu apa yang mudah bagi kamu daripadanya*”.

Ulama Islam telah mentafsirkan makna *Ahruf Sab'ah* kepada pelbagai tafsiran. Antaranya, Ibn Hibban yang telah menyebut 35 pendapat ulama tentang pentafsiran makna *al-'Ardah*, namun sebahagian besarnya ditawaqqufkan oleh beliau. Imam al-Qurtubi turut menyebut angka yang sama, namun beliau hanya menyenaraikan 5 pendapat sahaja dalam mukaddimah tafsirnya (al-Qurtubi 1996). Imam al-Sayuti sendiri telah menghitung pendapat-pendapat yang cuba mentafsirkan *Ahruf Sab'ah* kepada 40 pendapat. 35 pendapat daripadanya beliau telah senaraikan dalam kitab masyhurnya, “*al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*”.⁴³

⁴² Al-Bukhari, Kitab Fada'il al-Quran, Bab Unzil al-Quran 'ala Sab'ah Ahruf

⁴³ Al-Sayuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman (1416H), *al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*, Dar al-Fikr: Bayrut, j. 2, h. 350.

Antara tafsiran *Ahruf Sab'ah* yang terdekat ialah, pelbagai gaya bacaan yang berubah-ubah yang diturunkan. Mana-mana gaya bacaan yang dibaca oleh pembaca al-Qura dianggap telah membaca al-Quran yang diturunkan. Paling banyak gaya bacaan yang boleh dibaca dalam satu-satu kalimah al-Quran ialah dengan tujuh gaya bacaan...⁴⁴

Ketika pembentangan al-Quran terakhir kepada Nabi SAW telah berlaku penasakhan sesetengah *Ahruf Sab'ah*. Wajah-wajah bacaan yang kekal dibaca sebagai *qiraat thabitah* yang telah dihimpunkan oleh Saydina 'Uthman RA. Menurut Ibn Taymiah, Allah SWT telah menasakhkan sesetengah huruf (*qiraat*) apabila Jibril AS membentangkan al-Quran kepada Nabi SAW setiap kali Ramadan menjelang.⁴⁵

Justeru itu, menurut ulama, *Qiraat 'Asharah Mutawatirah* dikira sebagai sebahagian daripada *Ahruf Sab'ah* yang kekal selepas proses pembentangan al-Quran terakhir. Makki berpendapat, *qiraat sahifah* yang dibaca oleh umat Islam pada masa ini ialah sebahagian daripada *Ahruf Sab'ah* yang diturunkan...⁴⁶

⁴⁴Dr 'Abd al-'Aziz bin 'Abd al-Fattah al-Qari' (1412H), *Hadith al-Ahruf al-Sab'ah*, Dar al-Nasyr al-Dawli: al-Riyad, h. 60.

⁴⁵Ibn Taymiah, Taqi al-Din Abu al-'Abbas Ahmad bin 'Abd al-Halim al-Harrani al-Hanbali (1408H), op.cit, j. 2, h. 218.

⁴⁶Makki bin Abu Talib al-Qaysi (1405H), op.cit, h. 36.

Adakah *Al-'Ardah Al-Akhirah* Berlaku Dengan Semua *Ahruf Sab'ah* atau Dengan Satu Huruf Sahaja?

Berbicara tentang isu adakah *al-'Ardah al-Akhirah* berlaku dengan semua *al-'Ardah* atau dengan satu huruf sahaja? Dr Nasir bin Sa'ud (1434) mengatakan bahawa pembentangan al-Quran terakhir Rasulullah SAW adalah dengan huruf dan gaya bacaan yang telah diturunkan yang telah diizinkan bacaan dan tatacara praktikalnya. Menurut Abu 'Amru al-Dani, pada tahun kewafatan Baginda SAW, Baginda SAW telah dibentangkan al-Quran kepadanya sebanyak dua kali. Setiap kali pembentangan Jibril AS akan mengajar Baginda SAW dengan satu wajah dan dengan satu wajah daripada pelbagai wajah ...⁴⁷ Ibn 'Atiyyah pula mengatakan Allah Taala telah mengizinkan kepada Nabi SAW membacaa al-Quran dengan tujuh huruf. Jibril AS membentang semua huruf tersebut di setiap kali pembentangan al-Quran...⁴⁸ Terkadang Baginda SAW membacakan kepada Ubay RA apa yang telah Jibril AS bentangkan kepadanya dan terkadang beliau membacakannya pula kepada Ibn Mas' ud.⁴⁹

Berkata al-Zarkashi: *“Setiap kali pembentangan al-Quran, Jibril AS akan mendatangkan dengan satu huruf sehinggalah sampai*

⁴⁷Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari (1999M), *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*, Dar al-Kutub al-'Ilmiah: Bayrut, j. 1, h. 80.

⁴⁸Abu Muhammad 'Abd al-Haq bin 'Atiyyah al-Andalusi (1406H), *al-Muharrir al-Wajiz*, Dar al-Kutub al-'Ilmiah: Bayrut, j. 1, h. 125.

⁴⁹Al-Qurtubi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari (1414H), op.cit. j. 1, h. 200.

tujuh huruf". Berkata Ibn Hajar (1379H) pula: “*Baginda SAW akan berkali-kali mengulang-ulang bacaan mengikut bilangan huruf yang diizinkan bacaannya*”. Ujar Ibn Hajar (1379H) lagi: “*Diperselisihkan adakah dalam al-‘Ardah al-Akhirah terdapat semua al-‘Ardah yang diizinkan bacaannya atau dengan satu huruf sahaja? Jika dengan satu huruf, adakah dengan huruf yang Saydina ‘Uthman RA telah menyatukan umat Islam dengannya atau huruf lain?*”⁵⁰

Menurut Dr Nasir bin Sa’ud, *khilaf* tersebut kembali kepada *khilaf* masyhur yang berkait dengan pengumpulan al-Quran oleh Saydina ‘Uthman dan penulisan *masahif*, adakah dengan satu huruf atau tatacara penulisan dengan kaedah yang boleh menampung semua *Ahruf Sab’ah*? Bagi yang mengatakan Saydina ‘Uthman telah menyatukan umat Islam dengan satu huruf seperti Imam al-Tabari, al-Tahawi, al-Muhasibi, Ibn ‘Abd al-Birri mereka berselisih pandangan kepada dua pandangan berikut:⁵¹

1. Pandangan yang mengatakan al-Quran pada *al-‘Ardah al-Akhirah* adalah merujuk kepada semua *Ahruf Sab’ah* bersama-sama yang dinasakhkan bacaannya. *Ahruf* tersebut tidak pernah dinasakhkan ketika hayat Nabi SAW, namun ia telah dihadkan oleh Saydina ‘Uthman RA dengan satu huruf sahaja, iaitu huruf Quraisy sahaja.

⁵⁰Al-Zarkashi, Badr al-Din Muhammad bin ‘Abdullah. *Al-Burhan fi ‘Uhum al-Quran* (1996M), al-Maktabah al-‘Asriyyah: Bayrut, j. 1, h. 56.

⁵¹Dr. Nasir bin Sa’ud bin Hammud al-Qatthami (1434H), op.cit. h. 13-69.

Antara justifikasinya ialah untuk meleraikan perbalahan dan perpecahan yang berlaku di kalangan umat Islam disebabkan adanya pelbagai gaya bacaan. Dan juga kerana *Ahruf Sab'ah* adalah suatu *rukhsah* daripada Allah Taala yang membenarkan umat Islam untuk memilih mana-mana qiraat untuk dibaca atau pun meninggalkannya.

2. Pandangan yang mengatakan *al-'Ardah al-Akhirah* hanya dengan satu huruf sahaja iaitu dengan huruf Zayd bin Thabit RA yang kemudiannya disatukan umat dengannya oleh Saydina 'Uthman RA. Manakala *ahruf* lain telah dinasakhkan ketika hayat Nabi SAW.⁵²

Majoriti ulama bersepakat mengatakan pada *'ardah al-akhirah* terdapat *Ahruf Sab'ah* yang dikekalkan dengan kehendak Allah Taala seperti mana yang telah dihimpun oleh Saydina 'Uthman RA. Manakala tatacara penulisan al-Quran yang dipraktikkan oleh beliau pula boleh menampung semua qiraat selepas *'ardah al-akhirah*.⁵³

⁵²Muhammad Bakhit al-Muti'i (1338H), *al-Kalimat al-Hisan fi al-Ahruf al-Sab'ah wa Jam' al-Quran*, Dar al-Sahabah: Tanta, h. 55.

⁵³Al-Razi, Abu al-Fadl 'Abd al-Rahman bin Ahmad bin al-Hasan (1433H), *Ma'ani al-Ahruf al-Sab'ah*, Dar al-Nawadir: Syria, h. 65.

Qiraat di zaman Abu Bakr RA dan Hubungannya dengan *al-Ardah al-Akhirah*

Sedia maklum Mushaf Saydina Abu Bakr RA mencakupi seluruh *Ahruf Sab'ah* yang diturunkan al-Quran dengannya. Hal ini telah ditegaskan oleh Abu 'Amru al-Dani⁵⁴ yang mengatakan pengumpulan dan penulisan al-Quran di zaman Abu Bakr RA adalah dengan semua qiraat yang sah. Imam al-Zarkashi⁵⁵ turut menyokong pendapat tersebut dengan mengatakan semua mushaf di zaman Abu Bakr RA tercatat dengan wajah-wajah *qiraat Ahruf Sab'ah* yang diturunkan al-Quran dengannya.

Terdapat dua pendapat berkaitan dengan *al-Ardah al-Akhirah* dan qiraat dalam pengumpulan al-Quran Abu Bakr iaitu:

Pendapat pertama yang mengatakan sesetengah ulama qiraat yang ada semasa pengumpulan al-Quran di zaman Abu Bakr ialah qiraat yang ada dalam pembentangan al-Quran terakhir sahaja yang tidak dinasakhkan.⁵⁶ Menurut al-Baghawi⁵⁷, Saydina Abu Bakr RA telah mengarahkan para penulis al-Quran agar menuliskannya dengan mengikut apa yang terdapat dalam pembentangan al-Quran terakhir sahaja.

⁵⁴Al-Dani, 'Uthman bin Sa'id (1431H), *al-Muqni' fi Rasm Masahif al-Amsar*, Dar al-Sha'b: al-Qaherah, h. 20.

⁵⁵Al-Zarkashi, Badr al-Din Muhammad bin 'Abdullah. *Al-Burhan fi 'Ulum al-Quran* (1996M), op.cit, j. 1, h. 56.

⁵⁶Al-Sayuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman (1416H), op.cit. j. 1, h. 78.

⁵⁷Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-Shafi'iy (1983M), op.cit. h. 119.

Perkara yang sama juga telah dilakukan oleh Saydina ‘Uthman RA ketika melakukan penasakhan al-Quran di era pemerintahannya. Imam al-Alusi turut mengatakan di zaman Abu Bakr RA beliau meninggalkan penulisan ayat-ayat/qiraat yang tidak mutawatir, yang dinasakhkan bacaannya.⁵⁸

Pendapat kedua yang sebagaimana difahami daripada pandangan Makkiy bin Abu Talib, Abu Shamah dan Ibn al-Jazari yang mengatakan kebergantungan kepada pembentangan al-Quran terakhir hanyalah berlaku ketika pengumpulan al-Quran di zaman Saydina ‘Uthman RA. Menurut Ibn al-Jazari yang difahami daripada pandangan Ibn Jarir al-Tabari, Ibn ‘Abd al-Birr, al-Mahdawi, Abu Talib al-Qaysi, al-Shatibiyy, Ibn Taymiah dan lain-lain, *masahif* di zaman Abu Bakr RA terkandung di dalamnya semua *Ahruf Sab’ah*. Apabila pertelingkahan tentang pembacaan al-Quran di kalangan orang Islam semakin berleluasa yang sehinggakan hampir-hampir membawa kepada saling mengkafirkan sesama muslim, para sahabat RA sepakat untuk menulis al-Quran berdasarkan pembentangan terakhir al-Quran sahaja yang telah dibaca oleh Baginda SAW di hadapan Jibril AS pada tahun Baginda SAW wafat.⁵⁹

⁵⁸Abu al-Fadl Mahmud al-Alusi (1998M), *Ruh al-Al-Ma’ani*, Dar Ihya’ al-Turath: Bayrut, j. 1, h. 45.

⁵⁹Ibn al-Jazari, Abu al-Khayr Muhammad (1419H), *Munjid al-Muqri’in*, op.cit. h. 16.

Menyokong pendapat ini al-Baqillani menyatakan Saydina ‘Uthman RA tidak memaksudkan pengumpulan al-Quran seperti mana yang dimaksudkan oleh Saydina Abu Bakr RA. Kerana tujuan Saydina ‘Uthman RA ialah untuk menyatukan umat Islam dengan *qiraat* yang *thabit* daripada Nabi SAW sahaja dan membuang *qiraat* selainnya...⁶⁰

Qiraat di Zaman Saydina ‘Uthman RA Dan *Al-‘Ardah Al-Akhirah*

Matlamat pengumpulan al-Quran di zaman Saydina ‘Uthman RA adalah bertujuan bagi mengelakan berlakunya pertelingkahan dalam pembacaan *qiraat quraniyyah* di kalangan umat Islam dan juga untuk menghimpunkan mereka dengan *qiraat* yang hanya ada pada pembentangan al-Quran terakhir sahaja. Justeru itu pembentangan al-Quran terakhir adalah dianggap sebagai asas atau mekanisme utama pengumpulan al-Quran ‘Uthmani.

Menurut Imam al-Sayuti, tiada keraguan adanya ayat-ayat al-Quran yang telah dinasakhkan dan diubah pada pembentangan al-Quran terakhir. Para sahabat RA telah sepakat untuk menulis dan mencatat dalam mushaf hanya yang telah dipastikan ianya al-Quran yang ada dalam pembentangan al-Quran terakhir dan mereka meninggalkan selainnya.⁶¹

⁶⁰Al-Zarkashi, Badr al-Din Muhammad bin ‘Abdullah (1996M), op.cit. j. 1, h. 56.

⁶¹Al-Sayuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman (1416H), op.cit. j. 1, h. 77.

Sejarah menunjukkan Saydina ‘Uthman RA telah meminta *suhuf* yang telah dihimpunkan oleh Zayd bin Thabit RA dan ahli jawatankuasa panitia penulisan al-Quran di era pemerintahan Khalifah Abu Bakr RA yang disimpan oleh Hafsa RA dan menjadikannya sebagai asas utama penulisan *masahif*.⁶² Penulisan semula al-Quran tersebut telah selesai dengan tatacara kaedahnya rasmnya mencakupi semua *Ahruf Sab’ah* yang terdapat dalam pembentangan terakhir al-Quran. Dilarang sama sekali penulisan yang telah dinasakhkan bacaannya atau yang tidak terdapat dalam pembentangan terakhir atau periwayatan secara *ahad* atau yang tidak diketahui al-Qurannya atau ianya bukan al-Quran seperti yang pernah ditulis oleh sesetengah sahabat RA dalam *masahif* peribadi mereka untuk tujuan penerangan makna atau penjelasan *nasikh* dan *mansukh* atau seumpamanya.⁶³

Menurut Ibn Kathir, Saydina ‘Uthman telah menghimpunkan seluruh umat melalui pelbagai *qiraat* seperti mana yang terdapat dalam pembentangan al-Quran terakhir yang telah dibentag oleh Jibril AS kepada junjungan besar Rasulullah SAW di akhir bulan Ramadan.⁶⁴ Begitu juga Ibn Hajar yang menyebut periwayatan daripada Imam Ahmad, Ibn Abu Dawud dan al-Tabari dari *tariq* Ubaydah bin ‘Amru al-Salmani tentang tindakan Saydina ‘Uthman RA yang telah menyatukan

⁶²Al-Bukhari, Kitab Fada’il al-Quran, Bab Jam’ al-Quran.

⁶³Al-Zurqani, Muhammad ‘Abd al-‘Azim (1995), op.cit. j. 1, h. 36.

⁶⁴Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma’il (1416H), *Fada’il al-Quran*, Maktabah Ibn Taymiyah: al-Qaherah, h. 50.

manusia dengan *qiraat* yang terdapat dalam pembentangan terakhir al-Quran. Daripada Samurah RA berkata: “*Telah dibentangkan al-Quran beberapa kali kepada Rasulullah SAW. Maka berkata manusia: Sesungguhnya qiraat kita ialah qiraat yang terdapat dalam pembentangan al-Quran terakhir*”⁶⁵, iaitu dengan *qiraat* yang telah dihimpunkan untuk semua manusia oleh Saydina ‘Uthman yang bertepatan dengan pembentangan al-Quran terakhir.

Kesan Kepada Qiraat

Antara perkara yang tidak asing dalam Ilmu Qiraat ialah banyak wajah bacaan *qiraat* yang dibaca di zaman Baginda SAW melalui penerangan hadith-hadith *Ahruf Sab’ah* telah dinasakhkan pada *al-‘Ardah al-Akhirah*. Para sahabat RA tidak pernah membaca wajah-wajah *qiraat quraniyyah* melainkan dengan wajah-wajah bacaan yang kekal pada pembentangan al-Quran yang terakhir. Berkata Ibn al-Jazari: “*Para sahabat RA telah menulis dalam masahif al-Quran apa yang telah mereka pastikan ianya al-Quran, yang kekal ada dalam pembentangan al-Quran terakhir dan yang telah mereka pastikan keabsahannya daripada Nabi SAW yang tidak dinasakhkan*”.⁶⁶

⁶⁵Al-‘Asqalani, al-Hafiz Ahmad bin ‘Ali bin Hajar (1379H), op.cit, j. 1, h. 47.

⁶⁶Ibn al-Jazari, Abu al-Khayr Muhammad(t.th), *al-Nashr fi al-Qiraat al-‘Ashr*, op.cit, j. 1, h. 38.

Antara bukti kepada kenyataan di atas ialah terdapat qiraat yang sahih daripada sahabat RA yang tidak lagi kelihatan pada masa kini, bahkan menjadi wajah-wajah bacaan *shadhdhah* selepas pembentangan al-Quran terakhir. Contohnya wajah bacaan yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim daripada Abu al-Darda' dan Ibn Mas'ud RA bahawa Baginda SAW membaca surah al-Layl dengan:⁶⁷

وَأَلْبِلْ إِذَا يَغْشَى ، وَالنَّهَارَ إِذَا تَجَلَّى ، وَالذِّكْرَ وَالْأُنثَى

Juga riwayat daripada Saydina 'Umar al-Khattab RA yang berkata:

كَانَ مِمَّا أَنْزَلَ عَلَيْهِ آيَةَ الرَّجْمِ ، فَرَأَى نَهَا وَعَيْنَاهَا وَعَقَلْنَاهَا .

Maksudnya:

“Antara ayat yang pernah diturunkan kepada Nabi SAW ialah ayat rejam, maka kami telah membacanya, menghafalnya dan memahaminya”.

Selain itu juga periwayatan qiraat daripada Ibn Mas'ud, Ubay dan sahabat RA lain yang menyalahi tatacara penulisan mushaf yang dihukumkan dengan *shadhdhah*, menunjukkan *al-'Ardah al-Akhirah* sangat berkait dengan *Qiraat Quraniyyah*.

⁶⁷Al-Bukhari, kitab al-Tafsir, bab (وَالنَّهَارَ إِذَا تَجَلَّى) dan Muslim kitab Solah al-Musafirin, bab ma yata'llaq bi al-Qiraat.

Begitu juga riwayat Abu Musa al-Asy'ari RA yang mengatakan beliau pernah membaca satu surah yang panjangnya seumpama surah Bara'ah yang kemudiannya dilupakan kecuali beliau masih mengingati ayat:⁶⁸

لو كان لابن آدم واديان من مال لا بتغى واديا ثالثا، ولا يملأ
جوف ابن آدم إلا التراب

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa semua ayat yang terdapat dalam pembentangan al-Quran terakhir yang dibaca dengan pelbagai cara semuanya tertampung dalam *masahif 'uthmaniyyah* tanpa ada yang tertinggal, termasuklah semua cara bacaan yang diriwayatkan oleh *Qurra' 'Asharah*. Manakala selainnya dianggap *shadh* yang telah dinasakahkan pada pembentangan al-Quran terakhir.

Menurut Ibn al-Jazari, sesiapa yang mengatakan *Qiraat Mutawatirah* tiada hadnya pada zaman sekarang adalah tidak betul kerana tiada lagi *Qiraat Mutawatirah* selepas *Qiraat 'Asharah*. Namun jika ia memaksudkan banyaknya *Qiraat Mutawatirah* pada zaman Rasulullah SAW, maka ia suatu kemungkinan.⁶⁹

⁶⁸ Muslim, Kitab al-Zakah, bab (لو كان لابن آدم واديان)

⁶⁹ Ibn al-Jazari, Abu al-Khayr Muhammad (1419H), *Munjid al-Muqri'in*, op.cit. h. 16.

Sehubungan itu dapat dilihat dengan jelas *al-'Ardah al-Akhirah* bukan sahaja menjadi sebagai salah satu peringkat perkembangan daripada peringkat-peringkat perkembangan *Qiraat Quraniyyah*, bahkan dijadikan sebagai salah satu neraca penerimaan dan penolakan sesuatu qiraat. Dengan tiadanya sesuatu qiraat selepas pembentangan al-Quran terakhir maka ia dianggap sebagai *shadhdhah*. Kategori qiraat ini lebih banyak berbanding dengan qiraat sahih yang kekal.

Sehubungan itu juga dapat dilihat dengan jelas nilai segala usaha Saydina 'Uthman RA dan para panel penulis al-Quran yang telah berjaya menyatukan umat Islam keseluruhannya melalui praktikal qiraat yang *thabit* sahaja. Menurut Ibn al-Jazari, qiraat tujuh atau sepuluh atau tiga belas yang *masyhurah* pada masa ini jika dibandingkan dengan *qiraat masyhurah* pada zaman terawal hanyalah sedikit. Sesiapa yang menyelidikinya akan mengetahuinya dengan penuh keyakinan. Ia adalah kerana *qurra'* yang mengambil qiraat daripada imam-imam qiraat tujuh atau selainnya sangat ramai yang sehinggakan tidak terhitung jumlahnya. Begitulah juga ramainya yang meriwayatkan qiraat daripada mereka tersebut.⁷⁰

⁷⁰Ibn al-Jazari, Abu al-Khayr Muhammad (t.th), *al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*, op.cit, j. 1, h. 47.

Maklumat-maklumat di atas menunjukkan *Ahruf Sab'ah* yang diturunkan ada yang dinasakahkan semasa penasakhannya ketika pembentangan al-Quran terakhir.

Kesan *Al-'Ardah Al-Akhirah* Kepada Kelangsungan *Masahif 'Uthmaniah*

al-'Ardah al-Akhirah adalah merupakan asas utama kepada penulisan *Masahif 'Uthmaniyyah*. Mana-mana ayat al-Quran yang terdapat pada *al-'Ardah al-Akhirah* terkandung dalam kaedah-kaedah penulisan Rasm 'Uthmani. Manakala yang tiada pada *al-'Ardah al-Akhirah* pula dianggap bersalahan dengan kaedah rasm pada kebanyakannya. Justeru itu, qiraat yang bertepatan dengan Rasm 'Uthmani adalah merupakan salah satu syarat penerimaan *Qiraat Quraniyyah*.

Ulama qiraat berbeza pendapat adakah *Masahif 'Uthmaniyyah* tercakup di dalamnya semua *Ahruf Sab'ah* yang diturunkan atau sesetengahnya sahaja?

Menurut Ibn al-Jazari *Masahif 'Uthmaniyyah* tercakup di dalamnya semua *Ahruf Sab'ah* yang diturunkan dan realiti tersebut disokong kuat oleh hadith dan *athar* yang sahih. Menurut beliau lagi para sahabat RA telah menulis *masahif* mengikut bahasa Quraisy dan berpandukan kepada *al-'Ardah al-Akhirah* tanpa titik dan baris agar mampu menampung baki *Ahruf Sab'ah*. Justeru itu, telah

dimuktamadkan tatacara penulisan *Masahif 'Uthmaniyyah* melalui kaedah-kaedahnyanya yang boleh menampung semua *Ahruf Sab'ah* pada *al-'Ardah al-Akhirah*.⁷¹

Menyokong pendapat Ibn al-Jazari di atas, Imam al-Sayuti mengatakan majoriti ulama salaf dan khalaf dan para imam muslimin berpendapat, kaedah penulisan *Masahif 'Uthmaniyyah* tercakup di dalamnya semua *al-'Ardah* yang terdapat pada *al-'Ardah al-Akhirah* yang telah ditalaqqikan oleh Baginda S.A.W di hadapan Jibril A.S tanpa ditinggalkan walaupun satu huruf. Maka tidak syak lagi al-Quran ada yang dinasakhkan pada *al-'Ardah al-Akhirah* dan para sahabat RA hanya menulis apa yang telah mereka pastikan ianya al-Quran yang terdapat dalam *'ardah* tersebut dan mereka meninggalkan selainnya.⁷²

Menurut al-Zurqani, penulisan *masahif* dengan cara yang demikian, mampu merealisasikan pengumpulan semua *khilaf* qiraat dan *al-'Ardah* yang telah diturunkan serta dibuang apa yang bukan daripada al-Quran, seperti yang ditulis oleh sesetengah sahabat RA dalam mushaf peribadi mereka yang berbentuk syarahan makna atau penjelasan *nasikh mansukh* atau seumpamanya. Ujar beliau lagi para sahabat RA telah menyahut arahan Saydina 'Uthman RA untuk membakar *masahif*

⁷¹Ibn al-Jazari, Abu al-Khayr Muhammad (t.th), *al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*, op.cit, j. 1, h. 48.

⁷²Al-Sayuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman (1416H), op.cit, j. 1, h. 64.

mereka dan memberi sokongan penuh kepada *Masahif 'Uthmaniyyah*. Seinggakan Ibn Mas'ud RA sendiri yang pada awalnya mengingkari arahan tersebut akhirnya boleh menerima Mushaf 'Uthman selepas terbukti kebenarannya, permuafakatan umat dengannya dan demi slogan kesatuan umat.⁷³

Pendapat ramai dalam kalangan imam salaf lain pula seperti Muhammad bin Sirin, 'Ubaydah al-Salmani dan 'Amir al-Sha'bani mengutarakan pandangan mereka dengan mengatakan *Masahif 'Uthmaniyyah* ditulis mengikut apa yang ada dalam '*Ardah al-Akhirah* sahaja. Justeru itu umat Islam telah bersepakat untuk menerima *Masahif 'Uthmaniyyah*, membacanya dan meninggalkan bacaan-bacaan yang bersalahan dengannya. Inilah juga pendapat Ibn al-Jazari⁷⁴ yang turut mengatakan tentang adanya persepakatan umat terhadap *Masahif 'Uthmaniyyah* dan ditinggalkan segala macam bacaan yang tidak sama dengan apa yang ada dalam '*ardah al-Akhirah*.

⁷³ Al-Zurqani, Muhammad 'Abd al-'Azim, op.cit. hlm. 55.

⁷⁴ Ibn al-Jazari, Abu al-Khayr Muhammad (t.th), *al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*, op.cit, j. 1, h. 48

Kesimpulan

Hasil perbincangan hubungan *al-'ardah al-'akhirah* dengan kelangsungan *qiraat quraniyah* dapat disimpulkan kepada beberapa perkara berikut:

1. Kelangsungan qiraat al-Quran yang dibaca sekarang oleh semua umat Islam di seluruh dunia sangat berkait rapat dengan pembentangan al-Quran terakhir oleh Baginda SAW kepada gurunya Jibril AS.
2. Hadith-hadith sahih kelihatan begitu jelas dan konsisten membuktikan *al-'Ardah al-Akhirah* sememangnya berlaku kepada Rasulullah SAW.
3. Proses talaqqi dan mushafahah dengan bersungguh-sungguh dari guru yang mahir adalah salah satu syarat utama untuk seseorang menguasai ilmu qiraat.
4. Jumlah Qiraat pada zaman Rasulullah SAW adalah banyak, namun telah menjadi ketentuan Allah SWT berlakunya penasakhan qiraat yang dahulunya pernah dibaca selepas berlakunya pembentangan al-Quran yang terakhir. Penasakhan tersebut sudah semestinya tersirat pelbagai hikmat yang sangat besar.
5. Pembentangan al-Quran terakhir menjadi sempadan yang jelas antara qiraat yang diterima dan qiraat yang ditolak. Ia juga menyokong kelangsungan hafalan al-Quran dan menjadi penentu terakhir kepada al-Quran yang dibaca.

6. Pembentangan al-Quran terakhir juga telah menjadi mekanisme utama kepada pengumpulan al-Quran di zaman Abu Bakr dan ‘Uthman RA serta tatacara penulisannya yang boleh menampung *Ahruf Sab’ah* yang kekal.
7. *Masahif ‘Uthmaniyyah* dikumpul dan ditulis bertepatan dengan *al-Ardah al-Akhirah*, dipastikan al-Qurannya hanya yang terdapat pada *ardah* tersebut dan sah bukan yang dinasakhkan. Itulah *qiraat sahihah* yang diriwayatkan oleh para imam qiraat sepuluh dan qiraat selainnya adalah dihukumkan dengan *shadhdhah*.

Rujukan

- Ahmad bin Hanbal (1420H), *Musnid al-Imam Ahmad bin Hanbal*, Muassasah al-Risalah: Bayrut.
- Al-Hakim, Muhammad bin ‘Abdullah (1311H), *al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Bayrut.
- Makki bin Abu Talib al-Qaysi (1405H) *al-Ibanah ‘an Ma’ani al-Qiraat*, Al-Maktabah al-Faisaliyyah: Makkah al-Mukarramah.
- Abu Shamah, Shihab al-Din ‘Abd al-Rahman bin Isma’il (1406M), *al-Mursyid al-Wajiz*, Dar Waqf al-Diyanah al-Turki: Ankara.
- Al-‘Asqalani, al-Hafiz Ahmad bin ‘Ali bin Hajar (1379H) *Fath al-Bari*, Dar al-Ma’rifah: Bayrut.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma’il (1993M) *Tafsir al-Quran al-‘Azim*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Bayrut.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma’il (1416H), *Fada’il al-Quran*, Maktabah Ibn Taymiyah: al-Qaherah.
- Al-Sayuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman (1416H), *al-Itqan fi ‘Ulum al-Quran*, Dar al-Fikr: Bayrut.
- Al-Sayuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman (1993M), *al-Durr al-Manthur fi Tafsir al-Ma’thur*, Dar al-Fikr: al-Bayrut.
- Al-Zarkashi, Badr al-Din Muhammad bin ‘Abdullah (1996M), *Al-Burhan fi ‘Ulum al-Quran*, al-Maktabah al-‘Asriyyah: Bayrut.
- Al-Zurqani, Muhammad ‘Abd al-‘Azim (1995), *Manahil al-‘Irfan*, Matba’ah al-Babiyy al-Halabiyy: al-Qaherah.

- Al-Qurtubi, Abu ‘Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari (1414H), *al-Jami’ li Ahkam al-Quran*, Dar al-Hadith: al-Qaherah.
- Al-Dani, ‘Uthman bin Sa’id (1431H), *al-Muqni’ fi Rasm Masahif al-Amsar*, Dar al-Sha’b: al-Qaherah.
- Al-Dani, ‘Uthman bin Sa’id (1420H), *al-Urjuzah al-Munabbihah*, Dar al-Mughni: al-Riyad.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya bin Sharaf (1392H), *Sharh al-Nawawi*, Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi: Bayrut.
- Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn bin Mas’ud al-Shafi’ii (1983) *Sharh al-Sunnah*, Al-Maktab al-Islami: Bayrut.
- Al-Razi, Abu al-Fadl ‘Abd al-Rahman bin Ahmad bin al-Hasan (1433H), *Ma’ani al-Ahruf al-Sab’ah*, Dar al-Nawadir: Syria.
- Al-Dawsari, Ibrahim bin Sa’id (1429H), *Mu’jam Mustalahat ‘Ilmay al-Tajwid wa al-Qiraat*, Dar al-Hadarah li al-Nashr: al-Riyad.
- ‘Abd al-Ali al-Mas’ul (1423H), *Mu’jam Mustalahat al-Qiraat*, Dar al-Salam: Misr.
- Al-Jirmi, Ibrahim Muhammad (1422H), *Mu’jam ‘Ulum al-Quran*, Dar al-Qalam: Damshiq.
- Ibn al-Jazari, Abu al-Khayr Muhammad(1419H), *Munjid al-Muqri’in*, Dar Wahbah: al-Qaherah.
- Ibn al-Jazari, Abu al-Khayr Muhammad(t.th.), *al-Nashr fi al-Qiraat al-Ashr*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Bayrut.

Ibn Taymiah, Taqi al-Din Abu al-‘Abbas Ahmad bin ‘Abd al-Halim al-Harrani al-Hanbali (1408H), *al-Fatawa al-Kubra*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Bayrut.

Dr. Nasir bin Sa’ud bin Hammud al-Qatthamni (1434H), *al-‘Ardah al-Akhirah*, Majallah al-Imam al-Shyatibiyy: Jeddah.

‘Alam al-Din al-Sakhawi (1408H), *Jamal al-Qurra’ wa Kamal al-Iqra’*, Matba’ah al-Madani: al-Qaherah.

Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad (1419H), *Siyar A’lam al-Nubala’*, Muassasah al-Risalah: Bayrut.

Dr ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abd al-Fattah al-Qari’ (1412H), *Hadith al-Ahruf al-Sab’ah*, Dar al-Nasyr al-Dawli: al-Riyad.

Abu Ja’far Muhammad bin Jarir al-Tabari (1999M), *Jami’ al-Bayan fi Ta’wil al-Quran*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiah: Bayrut.

Abu Muhammad ‘Abd al-Haq bin ‘Atiyyah al-Andalusi (1406H), *al-Muharrir al-Wajiz*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiah: Bayrut.

Muhammad Bakhit al-Muti’I (1338H), *al-Kalimat al-Hisan fi al-Ahruf al-Sab’ah wa Jam’ al-Quran*, Dar al-Sahabah.

Al-Razi, Abu al-Fadl ‘Abd al-Rahman bin Ahmad bin al-Hasan (1433H), *Ma’ani al-Ahruf al-Sab’ah*, Dar al-Nawadir: Syria.